



**KETUA PEGAWAI EKSEKUTIF**  
 (Chief Executive Officer)  
**AGENSI KELAYAKAN MALAYSIA**  
 (Malaysian Qualifications Agency)  
 TINGKAT 14 B, MENARA PKNS-PJ,  
 NO. 17, JALAN YONG SHOOK LIN,  
 46050 PETALING JAYA,  
 SELANGOR DARUL EHSAN, MALAYSIA.

Tel. No. : 603-7968 7002  
 603-7968 7011  
 Fax. No. : 603-7956 9496  
 603-7954 9215  
 Website : www.mqa.gov.my

Ruj. kami : MQA 07/Jld.3 (GA)

Tarikh : 14 Jun 2011

## KEPADA SEMUA PEMBERI PENDIDIKAN TINGGI

Tuan,

### PEKELILING MQA BIL 2/2011 – PEMAKAIAN STANDARD PROGRAM BAGI BIDANG KEJURUTERAAN DAN TEKNOLOGI KEJURUTERAAN

Dengan hormatnya saya merujuk kepada perkara di atas.

2. Sukacita dimaklumkan bahawa pihak Agensi Kelayakan Malaysia (*Malaysian Qualifications Agency*, MQA) dengan kerjasama pakar yang terdiri daripada ahli akademik, industri dan badan-badan ikhtisas serta bukan ikhtisas yang berkaitan telah mengambil inisiatif menggubal standard program bagi bidang kejuruteraan dan teknologi kejuruteraan. Standard program ini telah dibentangkan di dalam Mesyuarat Majlis Bil. 2/2010 dan 3/2010 yang bersidang pada 28 April dan 5 Ogos 2010 serta telah dipersetujui pemakaiannya yang diputuskan di dalam Mesyuarat Jawatankuasa Semakan Dasar Bil 4/2011, Kementerian Pengajian Tinggi pada 23 Februari 2011.

3. Standard program ini adalah merupakan keperluan minimum dalam pembentukan kurikulum sesuatu program. Sehubungan dengan itu, pihak Pemberi Pendidikan Tinggi (PPT) boleh menambah elemen yang bersesuaian ketika penggubalan kurikulum agar ia selari dengan keperluan semasa.

4. Untuk makluman, standard program ini akan diguna pakai oleh MQA dalam menilai program pengajian berkaitan. Justeru, penggunaannya adalah terpakai kepada semua PPT dalam penyediaan dokumen permohonan Akreditasi Provisional dan Akreditasi seperti butiran berikut:

BIL	TARIKH	PERKARA
1.	1 Jan 2012	Semua <b>program baru</b> yang memohon Akreditasi Provisional MQA perlu mengguna pakai Standard Program Kejuruteraan dan Teknologi Kejuruteraan sepenuhnya.
2.	1 Jun 2011 – 1-Jun 2012	Tempoh transisi bagi semua <b>program yang telah mendapat Akreditasi Provisional</b> MQA untuk mengguna pakai Standard Program Kejuruteraan dan Teknologi Kejuruteraan.

( Sila catatkan rujukan jabatan ini apabila berhubung )

		Bermula <b>1 Jun 2012</b> , proses penilaian program oleh MQA bagi mendapatkan Akreditasi akan mula mengguna pakai Standard Program Kejuruteraan dan Teknologi Kejuruteraan sepenuhnya.
3.	1 Jun 2011 - 1 Jun 2013	Tempoh transisi bagi semua <b>program yang telah mendapat Akreditasi MQA</b> untuk mengguna pakai Standard Program Kejuruteraan dan Teknologi Kejuruteraan. Bermula <b>1 Jun 2013</b> , semua program yang telah mendapat Akreditasi MQA perlu mematuhi Standard Program Kejuruteraan dan Teknologi Kejuruteraan sepenuhnya. PPT perlu menghantar dokumen berkaitan sebagai bukti pematuhan kepada Standard Program dan juga Kerangka Kelayakan Malaysia ( <i>Malaysian Qualifications Framework, MQF</i> ).

5. Pekeliling ini berkuatkuasa mulai dari tarikh ianya dikeluarkan. Untuk makluman juga, standard program ini boleh dimuat turun melalui [www.mqa.gov.my](http://www.mqa.gov.my)

Sekian, terima kasih

**"BERKHIDMAT UNTUK NEGARA"**

Yang ikhlas,



**(DATO' DR SYED AHMAD HUSSEIN)**

Ketua Pegawai Eksekutif

Agensi Kelayakan Malaysia

No. Tel : 03-79687044

No. Faks : 03-79569496

E-mel : [syedahmad@mqa.gov.my](mailto:syedahmad@mqa.gov.my)